



Pelita  
BRUNEI

# KELUARAN KHAS

KELUARAN RABU  
21 FEBRUARI 2018

## SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-34



منجاياكن واوسن نخارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 Februari 2018



Imbas kod QR ini untuk baca

infodept.bn



infodept.bn



infodept.bn



infodept.bn



Jabatan Penerangan Perdana Menteri



Oleh :  
Sastra Sarini Haji Julaini

**B**IDANG kesihatan di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini akan mencecah kira-kira 111 tahun dengan sejarah awal mencatatkan bidang kesihatan wujud di negara ini seawal 1907 lagi.

Sektor ini terus menerima perhatian dan menjadi salah satu agenda utama dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ini boleh dilihat melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan ke arah memastikan rakyat dan penduduknya terus menerima perkhidmatan, produk dan teknologi terkini dalam bidang kesihatan.

Ia diperkuatkan lagi dengan gagasan Wawasan Brunei 2035, di mana ia diharap akan menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawai tertinggi antarabangsa, kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan dalam kalangan 10 buah negara teratas dunia dari segi pendapatan per kapita menjelang tahun 2035.

Dalam usianya yang sebegini lama, pelbagai pencapaian dan cabaran dihadapi seperti kejayaan menghapuskan wabak Polio pada 1960, cabaran menghadapi penyakit Kolera pada sekitar 1960-1970-an, kejayaan menghapuskan Poliomilitis pada Oktober 2004 dan banyak lagi.

Mengimbang kembali tahun

# Kerjasama sepada ke arah gaya hidup sihat



2017, salah satu program baharu yang diperkenalkan ialah pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu yang dikuatkuaskan pada 1 April 2017. Objektif pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ialah semata-mata untuk mengurangkan beban kewangan bagi ibu bapa yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang mempunyai anak yang baru dilahirkan dan juga memastikan anak berkenaan akan mendapatkan penjagaan yang sewajarnya terutama sekali dari aspek kesihatan.

Sementara itu, ke arah usaha Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan

perubatan serta penjagaan kesihatan yang lebih komprehensif juga efektif, Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong mula beroperasi semula bermula 5 Disember 2017 dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan dalam memenuhi ekspektasi orang ramai khususnya ibu-ibu yang hendak bersalin yang tinggal di Daerah Tutong dan sekitarnya.

Salah satu cabaran utama dalam bidang kesihatan di negara ini ialah menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases - NCDs*).

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar semasa Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pengkalan Batu di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu pada 11 Februari 2018, punca utama kematian di negara ini adalah disebabkan oleh NCDs seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis (*diabetes mellitus*) dan strok yang melibatkan lebih dari separuh kematian pada tahun-tahun yang lalu. Jika ia tidak dibanters, penyakit-penyakit tidak berjangkit boleh membantu perkembangan sosioekonomi negara disebabkan oleh kesan negatif terhadap produktiviti dan kos rawatan yang kian meningkat.

Menyentuh mengenai kanser, salah satu punca utama kematian di negara ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusannya sempena Hari Kanser Sedunia 2018 menyatakan, secara purata kira-kira 600 orang di negara ini

didiagnosis dengan kanser setiap tahun. Pada tahun 2016, sebanyak 353 kematian berkaitan dengannya dicatatkan yang menyumbang lebih 20 peratus daripada jumlah kematian di negara ini. Malangnya, purata penghidap kanser yang didiagnosis adalah 50.1 tahun untuk kanser payudara (wanita), 49.0 tahun untuk kanser serviks (wanita), 65.5 tahun untuk kanser paru-paru dan 60.1 tahun untuk kanser kolorektal.

Sementara itu, tiga kanser yang paling biasa dalam kalangan lelaki adalah kanser usus, paru-paru dan prostat, manakala kanser payudara, usus dan kanser serviks adalah yang paling lumrah dalam kalangan wanita. Beberapa kanser biasa, termasuk kanser payudara, paru-paru dan usus besar adalah risiko yang lebih tinggi dalam kalangan orang yang berlebihan berat badan atau gemuk dan perokok. Bagaimanapun, 30 hingga 50 peratus kanser dapat dicegah.

Di Negara Brunei Darussalam menurut Yang Berhormat, ada kemungkinan bahawa satu dari empat orang akan terkesan disebabkan kanser sepanjang hayat mereka.

Pelbagai kerjasama serta program dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan ke arah menangani masalah NCDs ini. Empat bidang utama yang dijadikan perhatian ialah meningkatkan persekitaran makanan Brunei, memberikan setiap kanak-kanak permulaan yang terbaik dalam kehidupan, menyokong masyarakat aktif di Brunei dan mengurangkan penggunaan tembakau.

Bagaimanapun, perlu disedari bahawa tanggungjawab ke arah

memerangi penyakit-penyakit tidak sepatutnya diletakkan di bahu Kementerian Kesihatan sahaja, malahan ia adalah kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak swasta dan individu. Maka kerjasama sepada adalah amat diharapkan agar mencapai gaya hidup yang sihat.

Dengan berkonsepkan 'Health is Everyone's Business', ia sepatutnya diamalkan oleh semua peringkat masyarakat. Dengan mengamalkan kehidupan yang sihat setentunya akan memberikan kesan yang positif bukan sahaja kepada inividu malahan juga kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Rakyat dan penduduk sihat mencerminkan keadaan dan ketamadunan sesebuah bangsa dan negara. Justeru, ubahlah cara kehidupan menjadi kepada yang lebih aktif dan sihat. Dengan rakyat yang sihat, maka lahirlah sebuah negara yang mempunyai sumber tenaga yang berdaya tahan, efektif, progresif dan produktif.

Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita seharusnya bersyukur kerana mempunyai pemimpin yang sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat dan penduduk sebagai salah satu agenda utama. Dengan pucuk pimpinan yang laila adil dan bijaksana, insyaaAllah hal ehwal kebijakan dan kesejahteraan penduduk akan sentiasa terjaga dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'alai rakyat dan penduduk di negara ini akan terus terpelihara. Teruslah maju negaraku, dan semoga sentiasa aman dan harmoni dan dilindungi daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Amin. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan!



# Semangat kesukarelawan belia semakin menyerlah



Oleh :  
Hajah Zabaidah Haji Salat

**P**ADA tarikh keramat 23 Februari ini, merupakan Ulang Tahun Ke-34 negara menyambut Hari Kebangsaan. Dalam usia kemerdekaan negara yang semakin matang, semangat dan aktiviti kesukarelawan belia kita juga semakin menyerlah, tidak kira pada peringkat kebangsaan maupun di arena antarabangsa, yang mana ia merupakan salah satu tuntutan dalam kerangka perpaduan negara dalam menghadapi cabaran mendatang yang semakin mencabar.

Elemen utama yang mendukung penghayatan belia terhadap semangat sukarelawan ini adalah kerana ia telah didorong oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip dan tradisi bangsa kita yang memang tidak camah mata. Jadi tidak hairanlah bahawa semangat sukarelawan ini dapat direalisasikan sebagai amalan atau budaya kita yang memberi impak besar dalam kehidupan bermasyarakat. Malah semangat kesukarelawan juga memberi implikasi penting terhadap pembinaan negara, bangsa yang kuat, maju dan berdaya saing.

Semangat sukarelawan yang dimiliki oleh belia berkualiti di negara ini, tidak syak lagi adalah satu pelaburan yang memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia. Dengan adanya kesedaran itu akan menjadikan para belia lebih dewasa dan lebih patriotik terhadap bangsa, agama dan negara.

Perkara tersebut pernah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan



Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017.

Titah baginda, belia kita masa kini perlu mempunyai kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Keempat-empat jenis kesedaran itu sangat mustahak untuk dimiliki oleh para belia tanpa membezakan status dan peringkat mereka kerana itulah rukun kesempurnaan bagi belia.

Penglibatan golongan belia secara aktif dalam kegiatan sukarelawan khususnya dalam berpersatuhan sudah pasti akan dapat mempertingkatkan potensi diri mereka menerusi ilmu berpersatuhan dan berkepimpinan, pendedahan, pengalaman, malah mampu membina jaringan komunikasi antara belia atau persatuhan sehingga ke peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, belia perlu membina jaringan komunikasi supaya dapat membantu diri dalam urusan sosial, ekonomi atau perniagaan dengan pihak lain pada masa hadapan.

Perkara ini bersesuaian dengan matlamat Dasar Belia Negara antaranya ialah : 'Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang'; Menanam dan mengukuhkan nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam

Beraja; Memupuk rasa kepunyaan, patriotisme, berilizam, berazam dan berhaluan yang jelas; Memperkembangkan dalam kalangan belia pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan serta menanam dalam diri mereka sikap dan kualiti bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, dapat menyesuaikan diri dan berdikari bagi pembangunan negara, di samping mengukuhkan perpaduan negara dan menggalakkan penglibatan belia dalam perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan.

Golongan muda boleh melakukan pelbagai jasa kepada negara melalui semangat sukarelawan untuk menyumbang kepada kepentingan komuniti dan negara secara keseluruhan supaya mereka menjadi individu tidak pentingkan diri, tetapi individu yang mementingkan masyarakat dan individu lain yang boleh dibanggakan. Oleh itu, para belia digalakkan menjalankan aktiviti kesukarelawan yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat dalam keperluan dan kumpulan sosial.

Sukarela bermakna melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah dengan niat ikhlas atau setulus kudos dan tidak mengharapkan apa-apa pulangan kepada diri sendiri.

## Kerja Terpuji

Amalan sukarela adalah nilai murni. Malah sukarelawan dianggap suci kerana itulah setiap yang terabit dalam kerja sukarela, sama ada secara individu ataupun berkumpulan, sama ada secara sistematis ataupun tidak dan sama ada sumbangannya besar ataupun kecil, tetap dianggap kerja terpuji.

Kerja sukarela juga adalah satu daripada nilai yang disanjung tinggi yang memungkinkan manusia terus hidup secara bermasyarakat dan berkongsi erti kemanusiaan. Sukarelawan yang kebanyakannya belia, adalah insan berbudi yang sebahagiannya tidak dikenali kerana tidak diberi publisiti dan

tidak pula mencari publisiti.

Orang Brunei sendiri memang kaya dengan tradisi sukarelawan ini. Antara lain, ia dicerminkan melalui konsep gotong-royong. Gotong-royong diperaktikkan dalam kehidupan bermasyarakat penyayang dan prihatin. Misalnya dalam membantu kerja masyarakat yang memerlukan dan kurang berkemampuan, kenduri-kendara dan sebagainya.

Konsep gotong-royong dan bantu membantu ini diperkuatkan lagi melalui inti pati budaya masyarakat, seperti yang dicerminkan oleh peribahasa 'Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing'. Tidak kira ia dilakukan secara bersendirian atau berkumpulan, daripada organisasi tidak formal kepada organisasi formal dan peringkat kampung hingga ke peringkat kebangsaan. Dan dari dalam negeri hingga ke luar negara.

Apa yang membanggakan negara ialah belia kita kini ramai yang terlibat dalam aktiviti sukarelawan, yang mana dengan sendirinya dapat membentuk jati diri dan kualiti keperibadian

sebagai seorang sukarelawan yang bersedia berkhidmat untuk kebajikan masyarakat dalam dan luar negara. Kecekalan belia belia kita dalam aktiviti kesukarelawan adalah didorong oleh rasa kesedaran dan semangat tinggi untuk membantu orang lain dan berkhidmat tanpa imbalan tetapi hanya kepuasan diri semata-mata.

Sempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap 1 Ogos, telah ramai belia-belia kita yang menerima pengiktirafan, daripada pemimpin tercinta negara, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Pengiktirafan tersebut adalah sebagai pembakar bersemangat belia di negara ini untuk sama-sama berganding bahu memperbaiki diri sendiri melalui kerja-kerja kesukarelawan, di samping memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

**Belia Pemangkin  
Transformasi Negara**

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti kemudahan - kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Sementara Hari Sukarelawan Antarabangsa juga telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan disambut di seluruh dunia. Tujuannya ialah untuk memberi pengiktirafan terhadap kerja-kerja kesukarelawan dan sumbangan para sukarelawan.

Selain itu, kesukarelawan kini suatu subjek yang semakin mendapat perhatian kerana impaknya terhadap kehidupan bermasyarakat. Ia meliputi pelbagai aktiviti dan khidmat sukarela seperti dalam bidang-bidang kebajikan, pemulihan, pembangunan, pendidikan, keselamatan, kesihatan, pemuliharaan alam sekitar dan sebagainya.

Pada tahap-tahap tertentu seseorang yang ingin menjadi sukarelawan perlu memahami dirinya, komuniti dan masyarakatnya, persekitarannya, sistem dan peraturan, serta pihak-pihak individu, kumpulan, organisasi yang berurusan dengannya. Ini menuntut strategi atau agenda yang mantap untuk membangun dan menyerlahkan potensi kesukarelawan dalam kalangan remaja belia kita.

Perlu ditegaskan bahawa menjadi seorang sukarelawan yang sedar, berilizam dan berkualiti tidak semestinya sama dengan menjadi ahli pertubuhan belia, tetapi yang lebih penting mereka hendaklah memberikan khidmat tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran material. Mereka mesti mempunyai sesuatu yang hendak disumbangkan atau dikongsikan dengan orang lain seperti tenaga fizikal, kemahiran, pengalaman, pengetahuan dan mempunyai kesedaran dan keprihatinan sosial serta patriotisme.

Dalam konteks keadaan dan perkembangan masyarakat kini, sukarelawan yang komited untuk berkhidmat dituntut untuk mempunyai sikap, pandangan dan komitmen sosial yang sesuai. Sukarelawan juga harus memiliki pengetahuan dan kemahiran atas tentang kerja sukarela yang ingin diceburinya. Dan yang lebih penting tentulah ahli-ahli yang berkualiti, ahli-ahli yang tahu peranan dan tanggungjawabnya, yang bersedia dan turut menjadi sukarelawan dalam menyumbang kepada pembangunan belia dan masyarakatnya.

## Kesimpulan

Azam dan komitmen serta tindakan berterusan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam hal ehwal pembangunan belia diperlukan bagi memastabatkan dan menyerlahkan kesukarelawan sebenar dalam kalangan belia dan masyarakat kita. Kelahiran sukarelawan yang berkualiti, diyakini akan dapat membantu menjayakan dasar dan agenda pembangunan belia negara.



# Keamanan, kesejahteraan negara terjamin



Oleh :  
Mohammad Rainie  
Haji Durani

**S**EPANJANG tempoh 34 tahun Negara Brunei Darussalam mencegapi kemerdekaan, selaku rakyat dan penduduk di negara ini kita amat bersyukur dan bertuah kerana dapat menikmati kehidupan yang aman, damai dan tenteram tanpa sebarang kekacauan yang boleh mengancam kelangsungan kehidupan di bumi Darussalam ini.

Dalam era serba mencabar ini, peranan agensi-agensi keselamatan amatlah penting bagi menangani sebarang ancaman dan anasir yang boleh menggugat keamanan dan keharmonian negara. Dalam hal ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) adalah antara pasukan keselamatan yang berperanan dalam menjaga keamanan negara sejak tahun 1906. PDB merupakan pasukan barisan hadapan yang seharusnya wujud sebagai benteng bagi mengekang segala ancaman dan pencerobohan musuh.

Dengan usianya sudah mencapai 97 tahun, sudah setentunya, rakyat dan penduduk di negara ini menaruh kepercayaan dengan kebolehan dan keupayaan PDB dalam mengawal dan menjaga keselamatan negara bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Dalam arus kemodenan ini, PDB tidak ketinggalan dilengkapi dengan peralatan berteknologi bagi membantu mereka membuat penyiasatan dan penyelesaian terhadap kes-kes tertentu. Di samping itu, PDB juga terdiri daripada anggota pegawai dan kakitangan tempatan yang berkualiter dalam menanai tanggungjawab bagi mempertahankan kedaulatan dan keharmonian negara.

PDB juga bekerjasama dengan masyarakat bagi memantau dan mengelilingi keadaan sekeliling

selaras dengan tertubuhnya Pengawasan Kejiran (PK), yang bertujuan untuk menanamkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang kepentingan menjaga keamanan dan kestabilan negara. PK bertanggungjawab menyalurkan sebarang maklumat yang berkepentingan seperti keselamatan atau jenayah kepada PDB dan menyampaikan nasihat serta saranan yang diterima daripada PDB kepada masyarakat. Pihak PDB turut berperanan merancang sebarang program Pencegahan Jenayah bagi ahli PK bagi sama-sama menangani masalah yang berkaitan dengan jenayah dan pelanggaran undang-undang dalam sesebuah kampung. Apa yang utama ialah adanya kerjasama daripada kedua-dua pihak bagi mengekalkan keharmonian bernegara.

Perkara ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis pada Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun yang antara lain percaya bahawa PDB akan bertambah kuat dan akan lebih-lebih lagi mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Apabila wujud kepercayaan di pihak masyarakat, bererti kerjasama di antara pihak pasukan dan orang ramai, akan lebih mudah terjalin. Ini juga dengan sendirinya menjadi pemungkin kepada perpaduan dan keharmonian yang sebenar-benarnya.

Sementara itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) turut berperanan besar dalam mempertahankan negara untuk bertindak bagi menghalang sebarang kuasa luar yang berniat untuk campur tangan secara langsung kepada negara dan sebarang elemen yang akan berlaku dalam negara kita. ABDB yang ditubuhkan pada tahun 31 Mei 1904 mula dikenali sebagai Askar Melayu Brunei sebelum ditukar menjadi Askar Melayu Diraja Brunei pada 31 Mei 1965. Manakala pada 1 April 1984, Askar Melayu Diraja Brunei telah diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



dinaikkan taraf menjadi sebuah angkatan yang dikenali sebagai ABDB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB sering kali mengingatkan anggota ABDB agar memainkan peranan mereka dengan berkesan dalam memelihara keamanan dan kedaulatan negara daripada terdedah kepada anasir-anasir tidak bertanggungjawab khususnya dalam persekitaran dunia tanpa sempadan ini.

"Mengambil kira pelbagai ancaman keselamatan yang semakin kompleks ini, ABDB patutlah memberikan perhatian lebih khusus terhadap tahap kesiapsiagaan kita, melalui kaedah-kaedah lebih pintar, selaras dengan keadaan semasa," titah Kebawah DYMM pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55 Tahun.

Dalam pada itu, baginda juga menegaskan sifat proaktif dan bijak mestilah ada dalam membuat pengurusan, pemeliharaan aset-aset pertahanan dan pembinaan

kapasiti anggota-anggota tentera. Selain kesiapsiagaan hendaklah sentiasa di tahap yang tinggi, agar peranan ABDB dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Dalam memantapkan kemampuan ABDB, para anggotanya turut terlibat menerusi operasi-operasi menjaga keamanan peringkat serantau mahupun antarabangsa seperti menyertai misi Pasukan Pemantauan Antarabangsa di Mindanao, Republik Filipina dan Pasukan Interim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) di Lubnan.

Bagi memantapkan lagi pengalaman ketenteraan, ABDB turut menjalankan latihan Kerjasama Kesiapsiagaan di Perairan (CARAT) sekali gus meningkatkan kerjasama serantau dalam membina hubungan maritim dan keupayaan ketenteraan negara-negara yang terlibat. CARAT yang melibatkan ABDB dengan Tentera Laut Amerika Syarikat merupakan satu latihan dua hala yang boleh menguji kesiapsiagaan negara menangani sebarang ancaman di kawasan maritim

dan juga memberikan pengalaman serta pengetahuan berharga bagi anggota ABDB.

Di samping itu, penempatan anggota ABDB di Information Fusion Centre dan Regional Humanitarian Assistance and Disaster Relief Coordination Centre (RHCC) di Changi, Republik Singapura, turut menjadi tanda komitmen negara dalam meningkatkan keselamatan serantau. Di samping beberapa inisiatif yang dilaksanakan di peringkat ASEAN, khususnya di bawah Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM).

Selain itu, terdapat juga beberapa lagi agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang telah ditubuhkan bagi menghadapi apa jua ancaman-ancaman yang boleh mengancam keamatan dan keharmonian negara ini. Di antaranya ialah Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa agensi lain yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais dan banyak lagi. Apa yang penting peranan dan tanggungjawab agensi-agensi ini adalah untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan keamanan negara daripada anasir-anasir tidak diingini.

Kesimpulannya, kedaulatan dan keamanan negara bukan sahaja dipikul oleh barisan anggota ABDB, PDB serta agensi-agensi pengkuat kuasa yang lainnya malah ia juga perlulah ditanai oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini dalam memelihara ketenteraman, keharmonian dan keamanan negara daripada sebarang ancaman dan jenayah.



# Perkhidmatan Awam bersih, pengurusan negara kukuh



23 Februari 2018

Oleh :  
Dk. Nasibahanim  
Pg. Haji Bakar

**P**ERKHIDMATAN Awam (PA) dan urus tadbir atau *governance* adalah nadi dan jentera kerajaan serta teras dan nadi utama yang menentukan kemajuan juga keutuhan negara. PA mesti bersih daripada orang yang menyalahgunakan kuasa atau tukang-tukang cipta fitnah.

Warga PA pula adalah selaku tulang belakang kerajaan, pengurus, pemudah cara, malah ejen pada perubahan. Warga PA tidak boleh tidak perlu menjana idea-idea baharu bagi memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Warga PA yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan cekap, tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia.

Warga PA perlu mengamalkan kerja-kerja secara berpasukan kerana ia boleh mendatangkan lebih kebaikan. Berpasukan bukanlah satu pakatan atau komplot mahupun kronisme yang mengetuai dan mengontrol ahli-ahli kumpulannya. Sifat pasukan adalah semata-mata muafakat dan mesyuarat.

Pemimpin yang berkualiti bukan sahaja mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, tetapi mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja pemberian atau pembaharuan yang sanggup turun padang untuk melihat apa-apa

yang perlu ditangani dan diperbaiki. Kecekapan pemimpin dan pengurusan, terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup.

Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang-orang di bawahnya. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.

Kuasa adalah amanah, yang mana ia tidak boleh digunakan sewenang-wenang, sama ada untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjelaskan orang lain, walaupun yang terjejas sekadar nama baik sahaja.

Kezaliman biasanya dilakukan oleh pihak-pihak yang kuat atau berkuasa, termasuklah dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatan. Kezaliman yang paling dahsyat ialah fitnah, iaitu fitnah kepada orang-orang yang tidak berdosa. Brunei mestilah bersih daripada sebarang gejala fitnah dan kezaliman.

Antara usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan adalah melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang menjalankan pengauditan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam PA, tetapi juga untuk memberikan taraf bintang pada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan.

Manakala dalam menjalani budaya kerja pula, turut diutamakan ialah prestasi dan produktiviti, di mana sistem penilaian prestasi adalah bertitik tolak pada pencapaian hasil kerja. Jika ia baik dan memuaskan, maka itulah prestasi cemerlang.

Sementara Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti sistem penilaian prestasi baharu,



termasuk menyesuaikannya dengan amalan-amalan terbaik atau *best-practices* yang diharap dapat membantu perubahan minda PA yang lebih kompetitif dan meningkatkan lagi produktiviti kerajaan.

Wawasan PA Negara Brunei Darussalam (NBD) dikenali sebagai PA Abad Ke-21, iaitu untuk menjadikan PA NBD yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam

dalam persekitaran sihat dan selamat di bawah inayah serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Malalui wawasan ini, PA NBD tidak akan statik, malah akan sentiasa maju mengikut kemampuan, keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang diredayai oleh Allah dalam persekitaran dan suasana aman, makmur serta tenteram di bawah pertolongan, perlindungan dan petunjuk Allah.

Wawasan ini juga menekankan bahawa Islam tidak menolak kemajuan, malah sentiasa menggalakkannya. Dalam mengharungi arus kemajuan janganlah kita lupa dan membelakangkan ajaran-ajaran Islam agar tindakan-tindakan yang diungkayahkan mendapat keberkatan daripada Allah.

Selaras dengan strategi Wawasan 2035, JPM melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja PA Tahun 2016 - 2020 yang diharap memacu PA pada tahap lebih hebat dan progresif.

Usaha meminda Peraturan-peraturan Pegawai-pejawat Kerajaan di bawah Akta Suruhanjaya PA (General Order) yang digunakan sejak tahun 1961 pula akan diberikan nafas baharu pada PA agar lebih lengkap serta terkini, khususnya dalam melahirkan modal insan yang cekap dan berdisiplin.

Namun, walau secanggih manapun usaha dan inisiatif yang dirancang, dibuat dan dilancarkan tidak akan berhasil dan berjaya jika sekiranya seseorang penjawat PA itu tidak ingin untuk berubah, iaitu berubah pada kebaikan dan kemajuan bersama dan bukannya sebaliknya.

'Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih' jika hendak diusaha semaksimnya dan jika tidak, maka sekadar dipandang sepantas lalu sahaja. Itulah lumrah manusia, apabila perubahan dan pembaharuan melanda, bukan mudah begitu sahaja untuk diadaptasi, namun memerlukan masa. Ya masa untuk berubah dan mengadaptasi segala perubahan mahupun pembaharuan.

Namun, persekitaran tempat kerja juga memainkan peranan dalam kemajuan seseorang. Jika persekitaran pekerjaan sudah tidak sihat dan memungkinkan, bagaimana mungkin seseorang boleh berkembang dan menyerlah apabila dalam mesyuarat sahaja contohnya sudah dipandang sinis dan disalah anggap oleh ketuanya.

Sememangnya manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, namun daripada kesilapan mampu juga diperbetulkan, jangan hanya tahu mencari segala kesilapan, jauh sekali untuk membantu menyelesaikan, bahkan ditambah dengan memburuk keadaan, tugas kita memastikan segala tugas lancar berjalan, segala masalah diselesaikan, segala kesukaran diper mudahkan, segala kerumitan dihuraikan.

Selagi kuasa tidak dikuasai dengan sebijaknya, jika hati tidak diikhlaskan semata kerana Ilahi, selagi itulah segala perubahan yang baik bakal terbantut hujungnya, segala produktiviti, kreativiti mahupun kredibiliti akan terus terkubur mati.

PA bersih, niat jernih, pengurusan kukuh, produktiviti terarah, masa hadapan cerah, negara aman sentosa sejahtera sentiasa dalam lindungan Allah.





23 Februari 2018

Oleh :  
Noriah Haji Abdul Hamid

**W**AWASAN Negara 2035 antara lain menyasarkan kedudukan 10 teratas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per Kapita Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan penumpuan kepada hasil pencapaian pertumbuhan ekonomi yang tinggi, mempunyai pengeluaran dan produktiviti dan meningkatkan pelaburan dalam dan luar negara, mempunyai kepelbagaiannya ekonomi di pelbagai sektor, eksport dan meluaskan asas hasil sebagaimana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Wawasan Brunei 2035 merupakan aspirasi rakyat dan penduduk NBD menjelang tahun 2035 dan merupakan warisan kepada rakyat negara ini suatu masa nanti.

Aspek halal tidak hanya dilihat dari aspek keagamaan sahaja malahan ia merupakan satu komponen penting dalam dunia perniagaan pasaran halal secara global sehingga ada di antara negara bukan Islam mengutamakan produk halal untuk pengguna dengan mengambil kira kualiti dan keselamatan produk. Pasaran produk halal saban hari semakin menunjukkan peningkatan dalam pasaran global dan dianggarkan sehingga mencecah bernilai USD634 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan orang ramai kepada pasaran produk halal adalah begitu baik dan semakin meningkat.

Majalah INSPIRE terbitan AEWON Brunei, keluaran April - Jun 2016, memuatkan satu artikel mengenai pasaran Pengembangan Muslim (Muslim Travel Market) yang mana pasaran yang terpantas perkembangannya di dunia dengan purata 4.79 peratus. Perkembangan ini melebihi kadar purata perkembangan

# Produk Brunei Halal tembusi pasaran global

pasaran dunia keseluruhannya iaitu 3.8 peratus. Menurut MasterCard-Crescent Rating, Pelancongan Halal (Halal Tourism) yang bernilai USD145 bilion pada tahun 2014 dijangka akan terus berkembang mencecah kepada USD200 bilion pada tahun 2020. Artikel ini membuktikan bahawa ruang perniagaan atau perusahaan yang berkait langsung dengan produk dan perkhidmatan halal itu terbuka luas untuk diterokai dan dianggarkan 70 peratus daripada umat Islam di seluruh dunia mengikut piawaian halal.

Memandangkan peluang-peluang perniagaan dalam bidang produk halal semakin terbuka luas bahkan boleh menjadi sumber ekonomi negara, maka NBD mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara hub-halal yang unggul pada peringkat global dengan terus meningkatkan usaha kepada pemeliharaan dan pengawalan makanan halal supaya lebih komprehensif dan berkesan memenuhi standard atau piawaian halal pada peringkat serantau dan antarabangsa seiring dengan negara-negara lain seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan negara-negara Asia Tenggara.

## Pensijilan Halal

Sijil dan logo halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk itu halal mengikut syarak tetapi ia juga mempunyai implikasi besar kepada industri atau pengusaha yang mengeluarkannya.

Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam yang amat mengutamakan dasar-dasar dan penjagaan kehalalan. Kerja-kerja pengawalan makanan halal di premis-premis perniagaan termasuk restoran-restoran, gerai-gerai jualan makanan amat dititikberatkan dan ditangani oleh pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Kesihatan dan sebagainya dalam penyediaan produk makanan yang memenuhi syarat dan standard halalan *toyyiban*. Faktor tersebut setentunya mampu dijadikan sandaran untuk meraih kepercayaan antarabangsa dan sebagai sebuah negara yang mampu



menerajui industri produk halal dalam pasaran global.

Pada tahun 1998, bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu badan telah diwujudkan untuk menguruskan aktiviti yang berkaitan dengan pengesahan halal daripada daging mentah hingga ke produk makanan halal; iaitu Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang juga berperanan untuk mengawal selia bagi keluaran dalam negara dan luar negara yang berhasrat untuk menggunakan tanda halal MUIB.

Pada 28 Mei 2005, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008. Akta dan Perintah ini secara tidak langsung merupakan satu usaha Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kehalalan makanan di negara ini.

Pada 26 Januari 2017, beberapa pindaan telah diwartakan iaitu mewajibkan ke atas semua pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di NBD untuk membuat permohonan Sijil Halal dan / atau Permit Halal. Pindaan tersebut dikuatkuasakan pada 26 Mei 2017 yang mana tempoh peralihan bagi peniaga makanan yang sudah beroperasi untuk membuat permohonan Sijil Halal dan / atau Permit Halal adalah pada 26 November 2017.

Objektif pindaan tersebut ialah untuk mengukuhkan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan penguatkuasaannya demi meningkatkan pengawalan kehalalan makanan bagi premis perniagaan dan memastikan makanan dan produk yang dijual dan perkhidmatan tertentu di negara ini terjamin kehalalannya. Ini akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat di negara ini dalam pemilihan makanan.

**Memasarkan Produk Bruneihalalfoods Ke Pasaran Tempatan Dan Antarabangsa**

Ghanim International Corporation adalah sebuah firma yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah DYMM bagi mengembangkan, memasarkan dan mempromosi produk makanan halal yang berkualiti tinggi menggunakan jenama bruneihalalfoods. Firma ini menawarkan platform bagi PKS untuk menjual produk masing-masing pada peringkat tempatan dan untuk dieksport ke pasaran antarabangsa melalui jenama bruneihalalfoods sebagai aspirasi firma ini untuk mendukung Wawasan Brunei 2035 ke arah mempelbagaikan ekonomi negara selain daripada minyak dan gas.

Dalam hal ini, Ghanim International Corporation menawarkan peluang kepada PKS untuk berusaha niaga di pasaran antarabangsa dengan syarat mereka mematuhi piawaian antarabangsa. Salah satu produk yang dihasilkan oleh peniaga tempatan dan dipasarkan di bawah jenama the bruneihalalfoods ialah Mama's Recipe BlueShrimps Crackers dan mula dieksport ke China pada tahun lepas. Produk ini menerima Anugerah Innovation in Artisan Product di The Gulfood Expo 2017. Berdasarkan permintaan yang menggalakkan dari pasaran serantau dan antarabangsa termasuk Singapura, Thailand, Malaysia, UAE dan Australia produk tersebut kini mempunyai dua perasa unik iaitu Chili dan Chinese Celery. Ini adalah satu pendekatan terpuji dalam usaha memperkenalkan makanan warisan ke pasaran global, membuka ruang bagi produk tempatan diiktiraf di peringkat global.

Bagi mendukung sasaran pasaran, GIC juga mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan iaitu Syarikat Perniagaan Malar Setia dan Syarikat Jasra Harrisons Sdn. Bhd. bagi mengagihkan produk bruneihalalfoods dalam pasaran tempatan.

GIC telah menandatangani MoU dengan Universiti Brunei Darussalam pada tahun lepas sebagai mengiktiraf pentingnya R&D kepada industri ini. Perkongsian ini menandakan satu

mercu tanda dalam meneroka inisiatif dan peluang-peluang mempromosi industri halal di Brunei Darussalam termasuklah ke arah memgenal pasti keperluan, demografik, pasaran dalam usaha meningkatkan keupayaan industri Brunei dan pada masa yang sama mengenal pasti peluang-peluang mengembangkan sektor halal lain termasuklah pelancongan, busana Islam, farmasi dan kosmetik.

GIC juga menyediakan produk bruneihalalfoods kepada RB. Usaha sama sedemikian memainkan peranan penting dalam mendukung pemasaran produk dan mengharapkan akan lebih banyak produk yang dapat dihidangkan dalam penerbangan satu masa nanti. GIC juga sedang aktif mengukuhkan sasaran globalnya dengan memberi tumpuan ke Timur Tengah sebagai usaha merealisasikan sebuah jenama yang ikonik dan kini mempunyai 70 produk dalam portfolionya termasuklah keperluan harian seperti Provia (gula rendah kalori asli berasal dari Stevia), Cremvia, Nutrisal (sejenis garam) dan Cordial (sirap rendah gula berdasarkan Stevia), ayam beku dan rangkaian produk kambing seperti nugget ayam, sayap, sosis dan burger.

## Penutup

Untuk menjayakan Wawasan Negara adalah memerlukan penyertaan dan dukungan sepenuhnya bersifat *whole-of-nation* dari semua agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan juga orang ramai mengatur langkah melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan. Peranan yang dimaksudkan termasuk meningkatkan daya saing, inovatif dan kreatif; menyokong agenda pembangunan negara; dan berperanan dalam segenap aspek pembangunan ekonomi, politik, sosiobudaya dan keselamatan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja. Marilah kita sama-sama berdoa supaya NBD akan tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan NBD Ke-34 Tahun.



# Sikap pemedulian, prihatin wujudkan masyarakat Brunei bersatu padu



Oleh :  
Pg. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor

**R**AKYAT dan penduduk di negara ini sangat bersyukur kerana menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu menjadikan penduduk di negara ini dapat menjalani kualiti kehidupan yang baik dan selesa. Dengan adanya hasil sumber alam yang begitu banyak, kita juga dikurniakan seorang raja yang bijaksana dan begitu prihatin kepada kebajikan seluruh lapisan rakyat jelata di negara ini.

Kehidupan dan kebajikan masyarakat di negara ini secara keseluruhan terjamin dan tidak diabaikan. Kerajaan baginda melalui pelbagai agensi menyediakan kemudahan prasarana fizikal, bantuan kebajikan dan keselamatan sosial kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Pelbagai kemudahan percuma seperti pendidikan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan sebagainya. Khusus bagi mereka yang kurang berkemampuan dan berkeperluan khas, kerajaan juga menyediakan bantuan-bantuan kebajikan yang lain. Pada masa yang sama, bantuan-bantuan juga disumbangkan oleh badan-badan berkanan, pihak swasta, organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

Sebuah kemudahan dan sumbangan tersebut sangat membantu rakyat jelata terutama golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan termasuk anak-anak yatim, orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, orang yang ditimpak musibah dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, kerajaan menyediakan peruntukan yang begitu besar. Ini termasuk penyediaan bantuan perumahan, kewangan dan keperluan asasi, bantuan segera, peralatan, perkhidmatan dan seumpamanya.

## Projek Julangan Titah

Sebagai bukti pemedulian kerajaan baginda terhadap keperluan rakyat di mukim-mukim, kampung-kampung dan kawasan-kawasan pedalaman, mereka telah disediakan dengan pelbagai kemudahan prasarana, antaranya melalui 'Projek Julangan Titah'.

Projek Julangan Titah merupakan usaha ke arah menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering menggalakkan sesama

masyarakat supaya saling bantu-membantu tujuan kebajikan.

Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri ini dibina atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 April lalu untuk menggantikan Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri yang telah musnah dalam kebakaran pada 5 April 2017.

Projek Julangan Titah Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri telah siap sepenuhnya pada 19 Jun 2017 dalam tempoh waktu selama 49 hari.

Dengan pembukaan Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri ini diharapkan akan dapat memberi keselesaan kepada para penduduk kampung serta jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat di kawasan tersebut.

Ia juga diharapkan untuk digunakan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di Kampung Mentiri secara khususnya dan di Negara Brunei Darussalam secara amnya.

Pasar Pelbagai Barang Gadong sebagai susulan tindakan berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menggantikan Pasar Malam Gadong.

Mula beroperasi pada 2 Februari 2017, pasar berkenaan menempatkan sebanyak 150 petak dengan mengikuti kategori jualan iaitu salai-menyalai sebanyak 16 petak, masak-memasak 81 petak, manakala sebanyak 39 petak bagi kategori sayur dan buah. Dengan terbinanya pasar tersebut ia diharap akan dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada para peniaga dan juga para pengunjung, di samping meningkatkan suasana perniagaan yang kondusif lagi selamat dalam berusaha untuk mencari nafkah dan meningkatkan taraf pendapatan.

Salah satu usaha kerajaan melalui Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan untuk meningkatkan iklim perniagaan yang lebih mesra, Kompleks Tamu Sungai Kianggeh yang baru telah mula beroperasi pada 1 Jun 2016.

Dengan mempunyai keluasan 4,450 meter persegi itu, ia dibina dengan infrastruktur lebih moden dan teratur yang boleh meningkatkan suasana perniagaan dan penjaja yang lebih baik seterusnya dapat memberikan peningkatan kepada hasil perniagaan.

## Bantuan JAPEM

Sesuai dengan peranannya, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyalurkan pelbagai bantuan dan sumbangan kepada rakyat dan penduduk yang memerlukan. Antaranya pencepn dan elauan mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954 kepada mereka yang berhak dan memerlukan. Ini termasuk



Pencen Umur Tua (60 tahun) dan Pencen bagi Mereka Yang Tidak Berdaya Anggota (15 tahun ke atas), masing-masing menerima sebanyak BND250 sebulan.

Sementara itu, JAPEM juga menyalurkan pemberian Elauan Penyakit Hansen / Kusta (15 tahun ke atas), Elauan bagi Pesakit Otak atau Gila (15 tahun ke atas), dan Pencen Orang Buta (15 tahun ke atas), masing-masing sebanyak BND250 sebulan bagi diri penerima, BND188 bagi isteri, BND188 bagi anak 15 tahun ke atas dan BND113 bagi anak 15 tahun ke bawah.

Baru-baru ini, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Awal Tahun Masihi 2018 pada Januari yang lalu telah mengurniakan perkenan bagi pindaan pada Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya khususnya pengurniaan Pencen Hilang Upaya yang pada masa ini dikurniakan kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini yang berkelayakan dan berumur 15 tahun ke atas, untuk dilaratkan kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini yang berumur di bawah 15 tahun, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 Masihi bersamaan 14 Rabiulakhir 1439 Hijrah.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM, iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya, sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa pengurniaan Pencen Hilang Upaya bagi rakyat dan penduduk tetap negara ini bermula sejurus mendapat pengesahan kurang atau hilang upaya daripada pegawai perubatan kerajaan dan akan digelar sebagai Elauan Kurang Upaya. Khususnya bagi kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke bawah yang berstatus penduduk tetap, pengurniaan Elauan Kurang Upaya ini akan hanya dihulurkan kepada mereka yang stateless yang lahir di Negara Brunei Darussalam sahaja.

Juga dimaklumkan bahawa

kadar Elauan Kurang Upaya, iaitu bagi yang berumur 15 tahun ke bawah adalah sebanyak BND150 setiap sebulan.

JAPEM juga menyediakan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi meringankan beban individu atau keluarga yang hidup susah dan tidak berpengharapan. BKB dihulurkan bagi tempoh yang tidak ditetapkan dan bersifat sementara sebagai token atau meringankan beban yang ditanggung, manakala penerima digalakkan untuk terus berusaha.

JAPEM juga menghulurkan bantuan dan perkhidmatan serta-merta yang diperlukan oleh mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran, angin kencang, tanah runtuh, bantuan membaiki membuat rumah bagi orang-orang susah, bantuan peralatan sekolah (melalui tajaan tabung-tabung kebajikan) dan bantuan asas yang lain.

## Bantuan MUIB

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) juga memberikan pelbagai bantuan dan sumbangan kepada orang yang layak dan memerlukan. Ini termasuk Bantuan Wang Tunai Bulanan, Bantuan Menjelang Hari Raya dan Akhir Tahun (wang tunai), Tempat Perlindungan, Bantuan Keperluan Persekolahan, bantuan Peralatan dan Modal Berusaha, Bantuan Keperluan Asasi Bulanan, Bantuan Bayaran Kos Rawatan dan Perubatan, Bantuan Serta-Merta, Bantuan Dari Asnaf Al-Gharimin, Bantuan Kepada Saudara-Saudara Baru, Upah dan Perbelanjaan Amil dan Bantuan Kepada Ibnu Sabil (Musafir yang memerlukan Tiket Penerangan Wang Perbelanjaan).

## Bantuan YSHHB

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang ditubuhkan sebagai amal zariah Kebawah DYMM serta kerabat diraja juga menghulurkan bantuan dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, pendidikan, kemasyarakatan termasuk bantuan kepada institusi-institusi, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, orang kurang upaya dan tidak berkemampuan, mangsa-mangsa bencana alam, saudara-saudara baharu, penganguran dan pelaksanaan

aktiviti berkebajikan dan sebagainya.

Bantuan disumbangkan berbentuk wang tunai, barang keperluan asasi dan peralatan, dermasiswa, latihan, perkhidmatan termasuk bantuan membina rumah bagi mereka yang layak dan memerlukan tempat tinggal.

Di samping itu, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhdatee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) juga menghulurkan derma dan bantuan kepada anak-anak yatim di negara ini. Ini menggambarkan sikap pemedulian terhadap anak-anak yatim terutama bagi yang memerlukan.

## Pusat Kebajikan

Juga disediakan ialah Pusat Bimbingan Kanak-Kanak Cacat (Pusat Bahagia), Pusat Latihan Pekerjaan Orang-Orang Cacat (PLPOOC), Rumah Pemulihan dan Perlindungan ke arah usaha mengendalikan program pemulihan akhlak bagi pesalah belia.

Banyak lagi bantuan-bantuan lain yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuk subsidi bagi barang seperti minyak, makanan asasi, peralatan ICT, peralatan dan perkhidmatan bagi nelayan, petani, pengusaha kecil dan sederhana dan lain-lain.

## Kesejahteraan

Sejak pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan setiap lapisan rakyat jelata dan penduduknya adalah sangat terserah dan pelbagai usaha telah pun dilaksanakan dalam memeduli dan prihatin terhadap hal keperluan dan menjadikan kehidupan dan kebajikan masyarakat di negara ini terjamin dan tidak diabaikan dan dalam ada masa yang sama bantuan-bantuan juga disumbangkan oleh badan-badan berkanan, pihak swasta, NGO dan masyarakat umum dan berjaya memupuk masyarakat supaya saling bantu-membantu ke arah kebajikan.

# Negara hormati perpaduan antarabangsa



Oleh :  
Nur Amalia Alisha  
Daud

DARI hubungan antarabangsa, kita dapat melihat bagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa komited dalam memupuk dan mengeratkan perpaduan menerusi hubungan dua hala dan juga berbagai-bagai hala. Ini selaras dengan prinsip negara iaitu untuk menghormati perpaduan dengan negara-negara sahabat dan juga antarabangsa seperti yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada titah Awal Tahun Baharu 2018, "Di arena antarabangsa, kita akan terus memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat, di samping turut menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang memerlukan, selaras dengan kemampuan kita."

## Kunjungan Hormat Dan Muhibah

Pada tahun lalu sahaja, negara juga bergiat aktif sebagai anggota-anggota pertubuhan antarabangsa, seperti ASEAN, Komanwel, OIC, United Nation,



seperti Republik Islam Pakistan, Kementerian Pertahanan Arab Saudi, Jepun, Kuwait, negara ASEAN dan juga negara sahabat. Negara juga memberi sokongan penuh dalam pelaksanaan Memorandum Kerjasama (MOC) mengenai Kerjasama Pelancongan ASEAN Plus Three melalui projek-projek bersama, program dan aktiviti.

## Aktif Sebagai Anggota Pertubuhan Antarabangsa

Sejak merdeka, negara juga bergiat aktif sebagai anggota-anggota pertubuhan antarabangsa, seperti ASEAN, Komanwel, OIC, United Nation,

NAM, Group of 77 and China (G77) dan New Asian - Africa Strategic Partnership (NAASP), di samping persidangan antarabangsa seperti Sidang Kemuncak Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Sesi Dialog Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (ABAC), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan juga pernah menyertai Forum Demokrasi Bali (BDF) pada tahun 2014.

## Sokongan Negara

Bagi memperkenalkan negara pada peringkat antarabangsa, negara telah mengukuhkan dan menjalin hubungan diplomatik dengan lebih 164 buah negara di

seluruh dunia. Setakat ini, negara mempunyai 42 buah pejabat perwakilan di luar negara termasuk 26 Kedutaan Besar, lapan Suruhanjaya Tinggi, tiga Perwakilan Tetap dan empat Kaunselor Agung dan satu Pejabat Perdagangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation Extraordinary Summit) yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Istanbul Lutfi Kirdar, Republik Turki bagi menunjukkan sokongan NBD pada kesemua resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan bersama-sama dengan komuniti antarabangsa dalam menyatakan kebimbangan dalam apa jua perubahan pada status quo Baitul Maqdis termasuk pada Pernyataan (Communiqué) dan Deklarasi Istanbul.

## Komitded Rapatkan Hubungan Antarabangsa

Bukan itu saja, negara juga menyertai Inisiatif Our Eyes, yang mana telah disertai oleh Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand bertujuan untuk berkongsi maklumat yang berkaitan dengan pengganasan, radikalisme dan ekstremisme. Selain itu, negara juga aktif berperanan dalam memajukan ekonomi dan sosial pada peringkat serantau wilayah, iaitu Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei - Indonesia - Malaysia - Filipina (BIMP-EAGA) yang ditubuhkan pada tahun 1994. Dengan terjalannya hubungan tersebut, NBD terus berupaya membina pelbagai kerjasama baik secara dua hala mahupun berbagai-

bagai hala seterusnya meningkatkan imej negara di mata dunia antarabangsa dan dalam masa yang sama negara berupaya meningkatkan dan memperluaskan pertumbuhan ekonomi dengan lebih stabil dan mapan.

Perkara ini sentiasa ditekankan oleh baginda sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun, "Di peringkat antarabangsa, negara kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan lain-lain kepentingan melalui rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa."

## Kesimpulan

Meskipun dikenali dengan sebuah negara yang kecil, NBD tetap berdiri teguh bersama negara-negara antarabangsa. Ini kerana NBD sentiasa memastikan hubungan antarabangsanya kukuh dan erat bagi memastikan negara terus mengekalkan imej yang positif dan rakyatnya hidup dalam keadaan aman damai.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB), sudah pasti mata-mata luar sentiasa memerhatikan tindak tanduk kita dan mencuba untuk mematahkan perpaduan ummah Islam yang telah pun diterapkan oleh raja kita. Justeru, peranan kita tidak hanya untuk mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat negara bahkan perpaduan dengan hubungan antarabangsa. Marilah kita menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam sama-sama mengekalkan imej yang positif dengan menjaga keamanan serantau dan juga dengan dunia antarabangsa sebagai sebuah bangsa dan negara yang merdeka.



# Giatkan usaha, mantapkan ekonomi

منجاياكن واوسن نخرا  
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 Februari 2018

Oleh :  
Hajah Siti Muslihat  
Haji Salleh

**E**KONOMI yang berpaksikan pengetahuan, inovatif, kreatif dan berkemahiran tinggi yang dijana oleh pelbagai sektor sudah setentu akan melonjakkan aspirasi negara yang berpendapatan tinggi.

Ke arah itu, tumpuan serta penelitian yang jitu dan teliti terhadap sektor keutamaan perlu diberikan perhatian, di samping memfokuskan kepada usaha-usaha membangun, meningkatkan kemahiran dan menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan bagi memacu sektor tersebut.

Melihat kepentingan negara untuk menjana ekonomi negara, tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dipercayai akan dapat membantu meningkatkan pelaburan dan menjana sebuah ekonomi moden yang membuka peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti untuk rakyat di dalam sektor awam dan sektor swasta bagi mencapai matlamat wawasan negara yang dikenali sebagai Wawasan 2035.

## Tingkatkan Ekonomi

Dalam menuju matlamat Wawasan 2035, lapan strategi telah dikenal pasti untuk memastikan semua aspek perkembangan dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Lapan strategi tersebut ialah pendidikan, ekonomi, keselamatan, pembangunan infrastruktur, keselamatan sosial dan alam sekitar.

RKN10 telah melancarkan pelbagai jenis projek dan program yang akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi seperti yang telah dijelaskan, di samping usaha di sektor-sektor lain yang mempunyai kepentingan untuk membangun negara.

Melihat senario pentingnya untuk meningkatkan ekonomi negara, faktor tenaga kerja yang berpendidikan



berkemahiran tinggi juga perlu bagi membantu meningkatkan pelaburan dan menjana ekonomi yang dihasratkan.

## Ekonomi Brunei Meningkat

Laporan Bank Dunia Doing Business 2018 menyatakan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah disenaraikan sebagai ekonomi yang paling meningkat di dunia selama tiga tahun berturut-turut dalam usaha untuk memudahkan menjalankan aktiviti perniagaan.

Laporan Doing Business tersebut mengukur tahap kecekapan dan pengawalseliaan perniagaan tempatan yang telah merekodkan peningkatan NBD sebanyak 16 anak tangga kepada kedudukan ke-56 dalam kalangan 190 buah negara di seluruh dunia dengan peningkatan skor pada lapan petunjuk dan skor *Distance to Frontier* sebanyak 70.60 daripada 100, yang menunjukkan pengurangan jurang di antara NBD dengan negara-negara yang berada di tangga teratas.

Rantau Asia pasifik adalah antara ekonomi yang paling teratas dalam membuat reformasi bagi memudahkan menjalankan perniagaan yang mana NBD dan Thailand masing-masing melaksanakan lapan pembaharuan.

NBD menduduki kedudukan ke-11 di bawah Republik Korea yang menduduki kedudukan ke-3, Taiwan ke-6 dan Jepun ke-9 dan mendahului beberapa negara Asian powerhouse seperti China yang berada di kedudukan ke-18

dan India pada kedudukan ke-19.

Peningkatan yang ketara dalam kedudukan Doing Business dalam tempoh empat tahun yang lalu mencerminkan komitmen serius Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memudahkan iklim perniagaan, sejarah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-71 yang meneckankan keperluan bagi usaha yang berterusan dalam menggalakkan kemajuan ekonomi dengan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) dan peningkatan perniagaan mikro, kecil dan sederhana (MSMEs).

Oleh itu, kerjasama erat antara sektor awam dan swasta amat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan. Negara perlu terus giat meningkatkan usaha, di samping terus mengenalakn inisiatif pembaharuan yang efektif terhadap dasar-dasar dan peraturan perniagaan dalam meningkatkan lagi kedudukan negara dalam petunjuk-petunjuk Doing Business.

Menurut stastik Bank Dunia bagi tahun 2017, terdapat peningkatan dalam peluang pekerjaan di negara ini di sektor perkhidmatan dengan peralihan dari industri dan pertanian di antara tahun 2005 dan 2014.

Ekonomi NBD juga berkembang sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun dalam suku kedua 2017 (Q2 2017).

Ini didorong oleh *domestic demand* yang lebih kukuh, terutamanya dalam *capital expenditure* di sektor swasta serta perbelanjaan penggunaan kerajaan, yang mana masing-masing telah meningkat sebanyak 28.5 peratus dan 23.5 peratus. Ia juga mencerminkan pelaburan capitals telah neningkat dengan penyertaan FDI ke negara ini.

Sepuluh negara yang

nenduduki tangga teratas dalam laporan Doing Business 2018 mengikut kedudukan adalah New Zealand, Singapura, Denmark, Republik Korea, Hong Kong, Norway, Georgia dan Sweden.

Namun, masih banyak pemberian yang perlu dilaksanakan bagi negara ke arah mencapai sasaran negara indeks 'Doing Business' untuk memastikan persekitaran *pro-business*.

## Mantapkan Ekonomi

Antara agenda utama negara ini ialah untuk memantapkan ekonomi ke arah mewujudkan kestabilan, keamanan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di dalamnya.

Melalui pembangunan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang kukuh dan dinamik merupakan satu keutamaan dalam agenda kebangsaan bagi kebanyakan negara termasuklah negara ini.

Pembangunan dan pertumbuhan PKS akan mempunyai potensi yang signifikan untuk menyumbang kepada prospek negara dan menjadi sumber penting dalam pertumbuhan masa depan negara.

Pembangunan itu setentu akan menyokong usaha Brunei untuk mempelbagaikan ekonomi negara yang selaras dengan aspirasi Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Persidangan Khas Menteri-Menteri Kabinet pada 7 Februari 2018 di Istana Nurul Iman bertitah menegaskan perlunya untuk memberikan tumpuan terhadap tugas memperkasa sektor industri dan tenaga.

berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Untuk mengetahui mengenai peranan penting yang dimainkan oleh PMKS dalam pembangunan atau ekonomi negara, ia dapat dilihat daripada perangkaan peratus PMKS yang mana lebih dari 80 peratus perusahaan atau perniagaan yang terdapat di Brunei adalah dalam kategori PMKS.

Oleh itu, ke arah merealisasikan sebuah ekonomi yang dinamik, ia memerlukan negara untuk mengambil peluang memperkasakan PMKS tempatan supaya bukan sahaja mampu untuk bersaing di pasaran malahan juga mampu untuk terus menunjukkan pertumbuhan mapan.

Bagi menyokong hasrat itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Darussalam Enterprise (DARE) pada Februari 2016.

Sejak penubuhan DARE, ia terus berusaha memainkan peranan menjana ekosistem perniagaan yang kondusif bagi membantu usahawan-usahawan tempatan menyelesaikan masalah yang dihadapi serta membantu perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan mencapai potensi masing-masing dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Sebagai sebuah badan berkunkuan yang dimandatkan untuk menyokong dan membimbing perusahaan tempatan untuk membangun bagi menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), DARE bukan sahaja berharap PKS tempatan akan berkembang di dalam negara sahaja tetapi juga menyokong usaha mereka untuk mencapai matlamat utama menerokai pasaran serantau dan juga antarabangsa.

## Kesimpulan

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Persidangan Khas Menteri-Menteri Kabinet pada 7 Februari 2018 di Istana Nurul Iman bertitah menegaskan perlunya untuk memberikan tumpuan terhadap tugas memperkasa sektor industri dan tenaga.

Di samping galakan berupa promosi titah baginda, para pengusaha juga sangat perlu untuk dibantu yang berupa bimbingan dan tunjuk ajar untuk memulakan dan seterusnya menjalankan perusahaan sehingga mereka berjaya.

Baginda sebagai peneraju NBD sentiasa peka terhadap perkembangan serta kehendak negara dan setentu ingin melihat rakyat sentiasa harmoni, aman damai dan maju jaya.





23 Februari 2018

Oleh :  
Abdullah Asgar

**S**ISTEM perhubungan di negara ini mengalami perkembangan sejak awal tahun 1950-an khasnya dengan pembinaan jalan raya yang beraspalt daripada Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait yang melintasi Pekan Tutong.

Sejak itu perkembangan terus giat berjalan hingga sekarang dengan terbinanya lebuh raya bertingkat atau jejatas semata-mata bagi menampung tambahan kenderaan bermotor yang sekarang sudah mencapai ratusan ribuan buah.

Tetapi dengan bertambah keperluan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga membina jambatan yang menyeberangi Kampong Ayer yang kini di kenali sebagai Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS).

Selain itu satu perkembangan sistem perhubungan yang masih dalam pembinaan ialah jambatan yang menghubungkan Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong yang akan siap pada awal tahun 2019 nanti.

Kerja pembinaan Jambatan RIPAHS bermula dengan meletakkan batu asas pertama pada 16 Januari 2014 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muatdee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pembina Jambatan RIPAHS menelan kos BND139 juta yang dijalankan secara *joint-venture* oleh sebuah syarikat daripada Korea, Daelim Industrial dan Swee Construction Sendirian Berhad.

Jambatan RIPAHS telah dibuka


# Kecemerlangan sistem perhubungan, pengangkutan lonjakan ekonomi negara

rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Oktober 2017 selepas sambutan 50 tahun baginda menaiki takhta. Jambatan RIPAS merupakan jambatan kedua terpanjang yang menggunakan *single pylon cable stayed* di dunia.

Sementara itu, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Ke-71 Tahun pada hari Sabtu, 15 Julai 2017 antara lain menitahkan, "Dalam bidang pertumbuhan ekonomi, beta gembira menyaksikan pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan ke arah itu. Dua pendekatan utama sedang difokus bagi memastikan bahawa pertumbuhan adalah benar-benar berlaku. Pendekatan pertama ialah meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan kedua, menyokong serta menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mampu menembusi pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa. Dan untuk ini, beta mahu, supaya sektor awam dan swasta sama-sama berganding bahu mempertingkat daya inovasi dan kreativiti masing-masing, sehingga mampu menghasilkan produk atau perkhidmatan berkualiti."

Dalam konteks tersebut titah baginda, Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan adalah diharapkan untuk membentuk persekitaran kondusif bagi kemajuan perkapalan dan logistik sebagai usaha memenuhi keperluan import / eksport.

Selain itu, satu usaha sama atau *joint-venture* juga sudah dijalin antara Darussalam Assets dengan sebuah syarikat luar negara bagi mengendalikan secara profesional Pelabuhan



Muara. Ini juga diyakini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Manakala itu, dalam titah sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2014, baginda antara lain bertitah, "Bagi jangka panjang, kerajaan juga adalah dalam proses menyediakan pelan induk pengangkutan yang memfokus antara lain kepada rangkaian perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang efisien, selamat dan bersih dengan memberikan pilihan pergerakan yang luas dan lancar kepada semua.

Ini termasuklah pembinaan jalan dan jambatan-jambatan untuk menghubungkan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dengan Daerah Temburong dan pembinaan jambatan penghubung menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan

Residency, DBM."

Kemajuan sistem perhubungan di abad ke-21 ini membawa perubahan yang amat besar kepada budaya kehidupan manusia masa kini. Antara perubahan tersebut merangkumi kemudahan kenderaan, teknologi info-komunikasi dan cara bermiaga yang kesemuanya semakin canggih dari tahun ke tahun.

Hasil ledakan kemajuan sistem ini juga telah turut menjana intelektual manusia ke hadapan melalui perkongsian maklumat dunia tanpa sempadan dan waktu.

Contohnya dengan kemunculan empayar-empayar perniagaan info-komunikasi yang meletakkan teknologi mereka ke piawaian-piawaian tertentu yang mendesak sesehuah negara tidak kira negara-negara yang sudah maju ataupun negara-negara yang sedang membangun agar mencapai piawaian, profesionalisme dan mutu perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki sekali gus mempersiap tenaga kerja yang sentiasa update dengan perkhidmatan yang ditawarkan melalui sistem perhubungan yang holistik dan kompetitif.

Selain itu, sistem perhubungan yang terus meningkat ialah laluan laut bagi kapal-kapal kargo dan perdangan yang berlabuh dan keluar masuk di Pelabuhan Muara yang mana kemasukan kapal-kapal tersebut terus bertambah setiap tahun. Di samping itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 28 September 2017, Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan digabungkan menjadi

Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan (MPA) Negara Brunei Darussalam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, MPA ditubuhkan sebagai badan berkusa yang mengawal selia dan bertanggungjawab ke atas pengurusan, pentadbiran dan keselamatan hal ehwal pelabuhan dan perkapalan di negara ini.

Penubuhannya juga akan memperjelaskan lagi pengkhususan pembahagian fungsi pengawalseliaan (*regulatory*) dan fungsi penyediaan perkhidmatan yang sekali gus akan membolehkan perkembangan sektor pelabuhan dan perkapalan yang lebih terancang, terarah dan teratur.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2,515 buah kapal telah tiba di pelabuhan negara ini, termasuk 16 buah kapal persiaran yang membawa seramai 16,667 penumpang dan 8,155 anak kapal.

Manakala itu, sistem perhubungan yang juga terus berkembang ialah Penerangan Diraja Brunei yang mana sekarang RB telah mempunyai 18 destinasi penerangan termasuk tiga persinggahan ke China seperti ke Hong Kong, Shanghai dan Zhengzhou.

Dengan semua perkembangan tersebut ia dapat mengembang dan menambahkan ekonomi negara selain daripada hasil minyak dan gas cecair asli sebagai ekonomi utama. Malah jika siap pembinaan jambatan penghubung Bandar Seri Begawan dan Daerah Temburong pada tahun 2019 nanti jumlah pelancong daripada negara jiran memasuki negara ini juga akan bertambah dan dengan sendiri sektor pelancongan juga akan melonjak.





Oleh :  
Hezlinawati Haji Abd. Karim

**T**AHUN 2018 ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Yang Ke-34 Tahun. Sama ada sebelum mahu pun selepas merdeka, sejak di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Brunei bumi tercinta terus berkembang maju seiring dengan peredaran masa.

Sekjak penemuan minyak di Seria pada tahun 1929, negara terus menikmati kekukuhan ekonomi dengan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. Namun, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini kita tidak sepaututnya terus leka dengan anugerah Illahi itu sebaliknya sentiasa bersiap sedia bagi segala kemungkinan agar keutuhan ekonomi negara tetap terjaga dan terjamin demi kesejahteraan semua pihak. Sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang tidak disangkalkan lagi seorang raja yang berwawasan jauh. Dengan memperkenankan Wawasan Brunei 2035 baginda meletakkan harapan agar NBD dikenali seluruh dunia, salah satu di antaranya melalui ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan dalam kalangan 10 buah negara teratas dunia dari segi pendapatan per kapita menjelang tahun 2035. Sudah tentu baginda tidak hanya meletakkan harapan pada hasil minyak dan gas negara, sebaliknya baginda ingin negara ini juga dikenali sebagai sebuah negara perindustrian yang digalati di mata dunia antarabangsa.

Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 5 Mac 2016 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, baginda titah,

"Perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang pro-bisnes."

# Ke arah negara perindustrian menjelang 2035



Misalnya, titah baginda pendaftaran syarikat perniagaan sekarang sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja sementara lesen perniagaan tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan. Dengan adanya pusat-pusat perusahaan kecil dan sederhana, titah baginda lagi adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Baginda seterusnya bertitah bahawa sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berdasarkan eksport. Titah baginda lagi negara sudah ada rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

"Apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan, kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada, kerana itu beta menyru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada, bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang ada dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula beroperasi di negara ini dan terdapat beberapa lagi pelaburan baharu yang masih dalam penelitian. Oleh itu, usaha-usaha untuk memudahkan aktiviti perekonomian negara perlulah terus di pertingkat dan diperkemaskan," titah baginda.

## Pembinaan Kompleks Kilang Penapisan Dan Petrokimia

Dengan persekitaran yang kondusif dan mesra perniagaan, NBD telah berjaya menarik pelabur asing menimbulkan

untuk menujuhkan pangkalan di negara ini. Salah satu daripadanya ialah dalam industri petrokimia, yang mana sebuah syarikat usahasama antara Strategic Development Capital (SDC) iaitu dana *sub trust* kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Syarikat Zhejiang Hengyi Petrochemical Co. Ltd dari People's Republic of China, telah menubuhkan Hengyi Industries Sdn. Bhd. Perkongsian dengan nilai pelaburan lebih AS\$4 bilion itu adalah untuk pembangunan kilang penapisan bertaraf dunia dan kompleks petrokimia bersepadu di kawasan seluas 260 hektar di Pulau Muara Besar (PMB).

Pembinaan kompleks kilang penapisan dan petrokimia yang dijangka siap pada tahun 2019 itu adalah selaras dengan objektif kumpulan Zhejiang Hengyi untuk menyokong pengintegrasian dengan pengeluaran aromatik syarikat tersebut, yang merupakan bahan mentah yang diperlukan bagi aset-aset mereka di China. Apabila siap nanti, kilang ini akan dapat menghasilkan lapan juta tan produk yang telah ditapis setiap tahun termasuk diesel, petrol, jet A1 dan petrokimia termasuk benzene dan toluene untuk kedua-dua pasaran tempatan dan China.

## Hasilkan Produk Farmaseutikal Dan Nutraceutical Halal

Mula beroperasi sejak tahun 2013, Syarikat Simpor Pharma Sdn. Bhd. yang terletak di Taman Perindustrian Salambigar ini adalah merupakan syarikat pertama di negara ini yang memenuhi piawaian Halal dan Good Manufacturing Practice (GMP) bagi pembuatan produk-produk farmaseutikal, nutraceutical dan kosmetik. Projek tersebut merupakan usaha sama antara sebuah firma farmaseutikal dari Kanada, Viva Pharmaceutical Inc. (Viva), Kementerian Kewangan melalui Strategic Development Capital (SDC) dan sekumpulan pelabur

tempatan dengan nilai pelaburan berjumlah BND26 juta.

Simpot Pharma ditubuhkan bertujuan untuk menghasilkan produk farmaseutikal dan nutraceutical halal yang boleh dipasarkan di kaunter-kaunter jualan bagi pasaran tempatan dan juga pasaran eksport. Syarikat ini mampu menghasilkan 40 juta softgels setiap hari, 50 juta tablet setiap hari, 20,000 tan serbuk dan granul setahun dan 324 tan krim dan gel setahun. Apa yang membanggakan, pensijilan dan jenama Brunei Halal setentunya juga akan menjadi nilai tambah dan jaminan kepada pengguna beragama Islam di seluruh dunia dengan keyakinan bahawa produk yang dihasilkan oleh Simpor Pharma adalah halal, bersih, berkualiti tinggi dan mematuhi semua piawaian kesihatan dan keselamatan antarabangsa.

## Hasilkan Makanan Halal Siap Untuk Dimakan

Aktiviti perindustrian negara terus berkembang dengan pelancaran sebuah anak syarikat Saahtain Group yang beribu pejabat di Emiriyah Arab Bersatu, iaitu Saahtain Asia Sdn. Bhd. Syarikat ini menghasilkan makanan halal siap untuk dimakan (*ready-to-eat meals*) untuk tujuan eksport. Syarikat ini merupakan usahasama antara Kumpulan Saahtain dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Dana Pembangunan Strategik (SDC), Kementerian Kewangan.

Beberapa aktiviti tersebut hanya merupakan sebahagian kecil aktiviti perindustrian yang sempat dinyatakan oleh penulis. Sememangnya ada banyak lagi aktiviti perindustrian lainnya yang bergiat aktif di negara ini yang setentunya membantu meningkatkan NBD menjadi sebuah negara perindustrian menjelang 2035.

## Inisiatif

Selain persekitaran yang

kondusif serta mesra pelanggan, perkembangan sektor perindustrian di negara ini juga disokong dengan pelaksanaan beberapa inisiatif oleh pihak kerajaan ke arah menggalakkan pelaburan asing dan domestik.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah dengan memeterai perjanjian bagi pembiayaan skim insentif penyelidikan Brunei yang dihasratkan untuk menarik pelabur asing untuk membuat penyelidikan dan pembangunan di negara ini. Inisiatif ini sekali gus menggalakkan *intellectual property* dengan rancangan jangka masa panjang bagi memperkembangkan perniagaan melalui perdagangan hasil-hasil penyelidikan. Selain itu penubuhan Bank Usahawan sepertimana yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018 pada 31 Disember 2017 yang lalu merupakan satu lagi inisiatif kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk melangkah lebih jauh hingga ke pasaran antarabangsa.

Secara tidak langsung langkah tersebut akan setentunya akan mengembangluaskan lagi sektor perindustrian negara dan sekali gus membantu menjaga pendapatan negara.

Marilah kita selaku rakyat dan penduduk di NBD ini saling berganding bahu dan sama-sama menyokong hasrat kerajaan agar NBD menjadi sebuah negara perindustrian yang disegani antarabangsa dan seterusnya memiliki ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dengan itu diharap bumi Darussalam ini akan terus makmur dan sejahtera di bawah pimpinan payung negara yang berwawasan dan berpandangan jauh bagi kesejahteraan rakyatnya.



Oleh :  
Norliah Md. Zain

**P**ENDIDIKAN Islam di negara ini terus diperkasa malah seiring dengan perkembangan pendidikan sekular yang terdapat di negara ini. Setelah sekian lama memperkenalkan pendidikan agama secara formal di negara ini, negara sudah boleh berbangga dengan pencapaian yang sudah mempunyai sebuah universiti Islamnya sendiri, iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang kini sudah berusia 10 tahun.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadda'ulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Haflut Takharruj Ke-7 UNISSA bagi Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi, iaitu :

"Sesuai dengan usianya yang semakin matang, beta berharap, UNISSA akan terus menyerlah selaku mercu tanda kegemilangan Islam di negara ini. Ini bermakna UNISSA perlu, untuk terus berkembang sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa."

Melalui titah baginda itu, menunjukkan sememangnya menjadi hasrat kerajaan agar pendidikan Islam itu juga patut berkembang dan tidak statik, sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Dalam titah baginda itu juga, baginda turut optimis dengan perkembangan UNISSA. Menurut titah baginda, dengan kestabilan sosiopolitik negara, akan menjadikan UNISSA lebih berpotensi untuk menarik lebih ramai lagi pelajar dari dalam dan luar negara, dan sekali gus menjadikan UNISSA sebagai hab pusat pengajian Islam di rantau ini.

"Ikhtiar ke arah ini tidak syak lagi akan membuka peluang lebih luas untuk meningkatkan kebolehpasaran lulusan UNISSA. Sesungguhnya dengan pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu dan kemahiran, pelajar UNISSA juga mampu untuk menjadi lulusan yang serba boleh, yang boleh berkhidmat di pelbagai sektor, termasuk juga menjadi usahawan yang berjaya."

Melalui titah baginda itu, jelas baginda sememangnya berhasrat agar generasi berwawasan hari ini mempunyai ilmu agama yang

# Memperkasa pendidikan Islam bercalakkan MIB



mendalam serta mempunyai kemahiran dalam bidang lain agar pembangunan di negara ini dapat dijalankan dengan baik dengan tidak mengenepekan elemen-elemen kebruneian, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Bukan saja kemajuan dari segi para pelajar, malah kerajaan juga mengambil berat akan kualiti guru-guru agama yang berkelayakan di negara ini. Dengan adanya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), program pendidikan agama yang sebelumnya hanya mengeluarkan kelulusan peringkat sijil, telah dapat ditingkatkan tahap dan mutunya sehingga mampu mengeluarkan Ijazah Peringkat Sarjana Muda, seterusnya Peringkat Ijazah Lanjutan (M.A. dan Ph.D). Begitu juga dengan kualiti para pelajar lepasan sekolah arab.

Sebagaimana baginda bertitah sempena Majlis Konvokesyen Ketujuh KUPU SB Negara Brunei Darussalam 1439H / 2017M pada hari Rabu, 25 Oktober 2017 :

"Khusus seperti KUPU SB dan UNISSA, mereka ini adalah sangat menunggu para calon daripada Sekolah Arab. Lepasan daripada Sekolah Arablah yang merupakan calon-calon utama untuk KUPU SB dan UNISSA. Oleh itu, objektif melahirkan lepasan-lepasan Sekolah Arab, perlulah serba lumayan, bukan sahaja lumayan kuantiti, tetapi lebih-lebih lagi lumayan kualiti.

Dalam makna, ibarat kilang,

Sekolah Arab adalah sangat perlu untuk menghasilkan bahan produksinya yang berkualiti. Kerana itu, beta tidak jemu-jemu untuk mengingatkan, supaya Sekolah Arab mestilah terus diperkasa. Mana-mana yang kurang ditambah, atau yang kurang bagus diperbagus, atau yang masih lemah diperkuat, sehingga sekolah ini benar-benar jadi unggul dan ternama."



Dalam pada itu, juga tidak kurang pentingnya disebutkan ialah kejayaan negara pada menubuhkan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) pada tahun 1993, yang objektifnya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang hafaz Al-Quran sepenuhnya, mata pelajaran agama, di samping juga mempelajari ilmu umum. Malah institut ini juga telah berkembang dengan menawarkan program pada peringkat diploma kebangsaan dan telah pun mendapat pengiktirafan daripada pihak Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Program Diploma 'Aliyah Qiraat yang bermula pada tahun 2010, telah memberikan peluang yang luas kepada para graduan untuk melanjutkan lagi pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan dalam masa yang sama dapat melahirkan ilmuwan dalam berbagai bidang kepakaran dan kerjaya serta Huffaz. Tahun lalu, seramai 15 graduan telah berjaya

dikurniakan syahadah (sijil) diploma berkenaan.

Pengajian tersebut adalah kesinambungan atau peningkatan pengajian menghafaz 30 Juzuk Al-Quran, dengan menguasai ilmu-ilmu Al-Quran khususnya dalam bidang ilmu Qiraat, di samping itu, para pelajar juga mengikuti pengajian yang lainnya seperti MIB, Fiqh, Tafsir, Hadis, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris termasuk peluang mengikuti program penempatan kerja di agensi-agensi yang bersesuaian. Malahan para

membuatkan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan agama sewajarnya agar tidak tercicir. Malahan sekolah-sekolah swasta di negara ini turut menyokong hasrat itu dengan memberikan kemudahan kepada kerajaan untuk menyelenggarakan persekolahan agama di bangunan mereka, khusus bagi murid-murid Islam yang bersekolah di tempat mereka. Sudah tentu pihak kerajaan serta para ibu bapa menyambut baik kemudahan yang disediakan itu.

Generasi berwawasan di negara ini mestilah berbangga dengan cara tersendiri negara ini dalam memperkasa pendidikan Islam. Ini semua adalah bagi memelihara akidah kita agar tidak mudah tersasar serta akan terus mempertahankan falsafah MIB. Jelas bahawa pendidikan agama tidak dikelasduakan di negara ini malahan ia terus saja dikembangmajukan seiring perubahan zaman.



Oleh :  
Haji Ahmad Haji Salim

**N**EGARA Brunei Darussalam (NBD) kini berkembang pesat mengorak langkah dan melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah mencapai Wawasan 2035 dengan memberikan penekanan pada menjana transformasi negara sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang berpendidikan serta berkemahiran tinggi.

Wawasan 2035 itu juga selaras dengan standard antarabangsa dalam usaha NBD untuk menjadikan negara ini sebagai di antara 10 buah negara teratas dunia yang memiliki kualiti kehidupan serta ekonomi yang dinamik dan mapan.

Salah satu strategik yang dikenal pasti untuk mencapai matlamat Wawasan 2035 itu ialah pelaksanaan strategik ekonomi yang bukan sahaja akan menjana pekerjaan yang baharu untuk rakyat dan penduduk negara ini, tetapi juga mengembangkan peluang-peluang perniagaan di dalam negara ini, khususnya dalam bidang pelancongan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh syarikat pengurusan acara QnA International dan kaji selidik ke atas mesyuarat, insentif, persidangan dan cara (MICE) global, industri perniagaan serta perjalanan mewah mendedahkan bahawa pandangan mengenai trend dan cabaran industri, trend destinasi global yang sedang muncul juga cabaran dalam industri itu sendiri.

Yang mana lebih 300 pakar yang bertanggungjawab menganjurkan MICE, perniagaan dan perjalanan mewah melihat tinjauan untuk mengukur destinasi global dan trend yang semakin popular serta cabaran yang muncul dalam industri berkenaan.

Pada bulan Mei tahun lepas, NBD dinamakan sebagai destinasi ke-13 terbaik di seluruh dunia untuk pelancongan Muslim di Negara-Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

NBD juga mendapat markah penuh (100) dalam aspek keselamatan dan akses ruang beribadah dan memperoleh 90 markah dalam pilihan makanan dalam Indeks Perjalanan Muslim Global Mastercard-Crescent Rating Global (GMTI) untuk 2017, yang meliputi 130 destinasi di seluruh dunia.

#### Pelancongan meningkat

Jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke NBD melalui Lapangan Terbang Antarabangsa

# Negara destinasi baharu pelancongan dunia



Brunei yang merupakan pintu utama kemasukan melalui udara dalam tempoh suku kedua 2017 mencapai seramai 65,747 orang pelancong.

Jumlah tersebut meningkat daripada 52,292 pelancong dari suku kedua 2016 (Q2 2016). Menurut Siaran Akhbar Kemajuan Pelancongan Kementerian Sumber-Sumber Utama Pelancongan dari segi pertumbuhan, ketibaan pelancong melalui udara bagi Q2 2017 terus menunjukkan prestasi yang positif dan mantap dengan peningkatan sebanyak +25.7 peratus dari setahun ke setahun (*year-on-year / y-o-y*).

Ini terutamanya disebabkan oleh permintaan perjalanan (*travel demand*) yang tinggi dari pasaran-pasaran utama dari suku pertama tahun ini setelah perhubungan udara (*air connectivity*) mengalami peningkatan yang berterusan disebabkan oleh penerbangan secara bercatar (*chartered flights*) dari pasaran Timur Jauh (Far East Market), penambahbaikan daripada segi kemudahan perjalanan (*travel facilitation*) dan pemuliharaan kepada ekonomi global (*global economy recovery*) yang sederhana dari tahun lepas walaupun dengan persaingan serantau yang tinggi dari negara-negara jiran.

Selain itu, kesemua pasaran-pasaran utama yang terdiri daripada pasaran dari ASEAN, Timur Jauh (Far East), Australia dan New Zealand dan pasaran Jarak Jauh (Long Haul) telah menunjukkan peningkatan yang signifikan daripada suku sebelumnya dengan pasaran Jarak Jauh (Long Haul) telah menyumbang pertumbuhan yang tertinggi sebanyak +34.4 peratus (*y-o-y*), diikuti dengan pasaran Timur Jauh (Far East) sebanyak +20.3 peratus (*y-o-y*) dan kedua-dua pasaran dari Australia

dan New Zealand sebanyak +9.4 peratus (*y-o-y*).

Lima negara teratas yang datang ke NBD bagi Q2 2017 adalah Malaysia dengan sumbangan sebanyak 22.2 peratus, diikuti dengan Republik Rakyat China yang menyumbang sebanyak 15.9 peratus, Republik Indonesia sebanyak 9.3 peratus, Republik Filipina sebanyak 11.2 peratus dan Republik Singapura sebanyak 5.7 peratus.

Secara keseluruhan, lima negara teratas tersebut telah menyumbang sebahagian besar kepada ketibaan pelancongan antarabangsa ke negara ini sebanyak 64.4 peratus daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong pada Q2 2017.

Selain itu dari bulan Januari 2017, Republik Rakyat China dan Korea Selatan adalah antara pasaran-pasaran utama dari segi negeri bagi Negara Brunei Darussalam dengan pertumbuhan sebanyak +18 peratus (*y-o-y*) dan =146 peratus (*y-o-y*).

Tujuan lawatan utama bagi ketibaan pelancong ke NBD bagi Q2 2017 adalah tertumpu pada aktiviti-aktiviti percutian yang menyumbang sebanyak 41.9 peratus. Manakala 13.8 peratus adalah pelancong yang melanow dengan tujuan untuk perniagaan diikuti dengan melanow rakan dan saudara mara (*Visiting Friends and Relatives - VFR*) sebanyak 10.8 peratus; membuat persinggahan sementara (*transit*) sebanyak 8.9 peratus, dengan atas urusan kerajaan sebanyak 2.9 peratus, pameran sebanyak 0.6 peratus, lain-lain tujuan sebanyak 12.3 peratus dan tidak dinyatakan sebanyak 8.9 peratus.

Antara negara teratas dalam pasaran riadah dan percutian adalah dari Republik Rakyat China dan Malaysia sebanyak 13.5 peratus dan 6.9 peratus.

Selain daripada jumlah ketibaan pelancong melalui udara, seramai 1,026,769 pelawat antarabangsa juga dicatatkan melalui pos-pos kawalan imigresen pada Q2 2017. Purata Tempoh Penginapan (*Average Length of Stay*) di hotel bagi Q2 2017 adalah sama seperti tahun lepas, iaitu sebanyak 2.2 peratus.

Bagi Q2 2017, jumlah ejen-ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah sebanyak 67 buah syarikat jika dibandingkan dengan suku kedua tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 60 buah syarikat. Kesemua ejen-ejen pelancongan ini adalah berdasarkan kepada perjalanan *inbound and outbound*.

#### Sektor Pelancongan catat kejayaan

Sektor Pelancongan NBD pada tahun 2017 mencatatkan satu kejayaan yang amat penting, di mana menurut data Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pada penghujung 2017, jumlah kedatangan pelancong ke negara ini meningkat sebanyak 10 peratus berbanding dengan peningkatan 0.3 peratus pada 2016.

Pada 2017 juga, Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei telah melancarkan Jejak Warisan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer, mempromosikan pakej-pakej Destinasi Tutong, pakej-pakej Destinasi Belait serta melancarkan pakej menyelam Brunei.

Festival Disember Brunei 2017 merupakan festival selama kira-kira sebulan yang diadakan buat kali pertama, yang mana lebih daripada 40 acara menarik telah diatur dan diadakan di keempat-empat buah daerah termasuk pelbagai bidang termasuk kebudayaan dan

kesenian, masakan, seni persembahan serta sukan dan rekreasi.

#### Kapal-Kapal Persiaran

Mengikut kalender Perkapalan Persiaran sepanjang tahun 2018 ini, sebanyak 15 buah kapal bersaiz besar yang membawa para pelancong pelbagai negara sudah pun tiba dan akan tiba, di negara ini, bagi membuat persinggahan dan kunjungan ke tempat-tempat yang menarik yang terdapat di negara ini.

Walaupun persinggahan sebahagian kapal-kapal persiaran berkenaan dalam waktu yang singkat, namun ia dapat memberikan satu pengalaman yang amat menarik kepada para pelancongan itu sendiri setelah merasa pengalaman berada di NBD, di samping layanan yang diberikan oleh kakitangan agensi pelancongan yang mengendalikan sektor pelancongan itu.

Menurut statistik daripada Jabatan Pelabuhan di bawah Kementerian Perhubungan, sejumlah 16 buah kapal pelabuhan dengan 16,667 penumpang dan 8,155 kru telah tiba di NBD menerusi Pelabuhan Muara, tahun lalu. Sementara 21 buah kapal persiaran dengan 23,540 penumpang dan 11,524 kru tiba pada 2015.

#### Kesimpulan

Sehubungan dengan itu, marilah kita seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini sama-sama memberikan kerjasama, sokongan dan dokongan sepenuhnya kepada usaha giat yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan sektor pelancongan negara lebih mantap dan bertahan lama ke arah mencapai Wawasan Negara 2035 dan Negara Maju.



Oleh :  
Bolhassan Haji Abu Bakar

**D**ALAM era globalisasi, generasi belia yang merupakan harapan negara, semestinya berani menyahut pelbagai cabaran dalam sama-sama mendukung Wawasan Negara.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Empire Solution Sendirian Berhad, Sahrulnizam bin Ismail menegaskan, selaku belia berwawasan, kitani mestilah berani menyahut titah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar berani membuka perusahaan sendiri.

Perusahaan yang dimajukannya pada masa ini turut memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia tempatan, sekali gus dapat mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini.

"Hasrat saya adalah untuk mem antu lebih ramai lagi anak-anak tempatan yang masih mencari peluang-peluang pekerjaan, untuk memulakan karier mereka di perusahaan anak tempatan" jelas beliau.

Dalam mendukung wawasan negara, para belia perlulah sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan diri dalam semua bidang dan berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, komited pada usaha untuk membangun masyarakat, kompeten dengan keperluan semasa, berminda luas dan berfikiran global dan universal.

Semua sudah maklum bahawa generasi belia sebagai aset

# Belia progresif mendepani Wawasan Negara



yang amat berharga pada negara adalah tonggak kekuatan serta pewaris kepimpinan masa depan negara.

Keadaan masyarakat akan datang bergantung pada keadaan dan pembinaan belia hari ini. Jika keadaan belia hari ini baik dan pembinaannya sempurna, maka masyarakat pada masa akan datang akan juga menjadi baik dan begitulah sebaliknya.

Kekuatan sesuatu bangsa terletak kepada penegasan identiti diri seseorang. Apabila generasi belia itu kenal diri, mempunyai kehebatan dan kewibawaan, maka di situlah kita dapat meletakkan harapan dan peluang untuk terus berkembang, tinggal saja lagi terpulang kepada mereka, sama ada mahu merebutnya ataupun tidak.

yang tulen bercalakkan Melayu Islam Beraja (MIB), belia yang bijak menggunakan masa di jalan kebajikan, bukan hanya leka dan hanyut dengan mimpi-mimpi di siang hari dan membiarkan masa berlalu dengan sia-sia belaka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, para belia mempunyai banyak masa dan peluang untuk terus berkembang, tinggal saja lagi terpulang kepada mereka, sama ada mahu merebutnya ataupun tidak.

"Adapun memanfaatkan masa dengan sewajarnya adalah pilihan orang-orang yang bijaksana. Beta berharap, para belia kita hendaklah termasuk antard mereka," titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, Tahun 2016.

Para belia, titah baginda, sewajarnyalah melakukan transformasi untuk berubah daripada keadaan baik sekarang ini kepada yang lebih baik dan mereka yang masih tercari-cari erti kehidupan hendaklah mula melakukan tindakan perubahan yang perlu.

Negara sangat mendambakan munculnya generasi belia yang memiliki kekuatan dan kecemerlangan sebagai tonggak dan pasak negara.

Generasi belia yang memiliki kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan untuk memimpin anggota masyarakat dan memiliki eleman-eleman ini, akan dapat memainkan peranan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.

Baginda juga menekankan bahawa tidak adalah alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Menurut baginda, itu bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah.

Mereka berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar jika para pengusaha belia terus gigih

dan tabah.

Oleh itu, adalah penting untuk para belia mempunyai wawasan, yang mana wawasan tersebut haruslah sebuah wawasan yang besar bagi dirinya dan masyarakatnya.

Di Negara Brunei Darussalam, jumlah belia adalah merupakan 50 peratus daripada jumlah penduduk negara ini.

Memandangkan jumlah tersebut separuh daripada penduduk di negara ini, maka amat wajarlah golongan ini dididik dan dibimbing menjadi generasi belia yang mempunyai wawasan dan cintakan negara.

Generasi berwawasan yang melibatkan para belia adalah generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035, iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti, dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik. Ia memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

Seandainya para belia di negara ini mempunyai wawasan, sudah pasti belia tersebut adalah belia yang hebat dan seterusnya menjamin kemakmuran dan kemajuan negara pada masa depan.





Oleh :  
Ak. Jefferi  
Pg. Durahman

**PENDIDIKAN** merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan sosial negara. Pengabaian dalam soal pendidikan bererti mengabaikan kebaikan masyarakat dan menjelaskan pembangunan sesebuah negara. Kepentingan pendidikan kepada pembangunan sesebuah negara dapat dilihat dengan peruntukan perbelanjaan negara yang besar pada setiap tahun untuk tujuan membangunkan sistem pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat. Tindakan ini dianggap sebagai satu pelaburan yang besar untuk menjamin kemajuan yang berterusan dan bagi membangunkan modal insan minda kelas pertama pada masa akan datang.

Maka, dengan adanya pendidikan ini, ia mampu mengeluarkan seseorang atau sesebuah keluarga daripada kepompong kemiskinan. Oleh itu, untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, maka pendidikan yang dapat menentukan sejauh manakah seseorang itu boleh pergi lebih jauh lagi. Dengan kata lain, semakin tinggi pengetahuan pendidikan yang dicapai, semakin terbuka luas peluang pasaran untuk menjawat pelbagai jawatan dan mendapat pulangan yang lumayan. Namun begitu, kepentingan pendidikan ini tidak harus dilihat dari segi matlamat ekonomi sahaja, tetapi ia berkaitan dengan melahirkan seorang insan yang beriman, bertanggungjawb, amanah, mempunyai akhlak atau moral yang tinggi serta matang dalam menguruskan kehidupan diri dan keluarga dengan lebih sempurna.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran pada 14 Ogos 1976.

"Untuk menjayakan rancangan kemajuan ini kerajaan beta benar-benar berkehendakkan tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi serta berpengalaman yang luas, di samping mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada Negara Brunei Darussalam (NBD).

Untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan maka kerajaan beta akan menyiasat kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran tertinggi dalam negeri Brunei dengan mendapatkan pandangan serta nasihat dari pakar-pakar badan pengajian tertinggi di United Kingdom seperti London Universiti ..."

Di negara kita sendiri, mempunyai beberapa institusi-institusi pengajian tinggi yang sudah banyak melahirkan para graduan yang berkualiti dan menjadi harapan di dalam memangkin seterusnya menjadi tonggak pembangunan negara. Lebih-lebih lagi setelah NBD mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984. Sejak 34 tahun negara mencapai kemerdekaannya perkembangan dari segi pendidikan juga turut berkembang maju yang mana begitu banyak pengajian dan juga institusi tertinggi telah diperkenalkan antara institusi-institusi tertinggi yang kini kian berkembang dan telah banyak melahirkan para graduan yang berkemahiran dan kini memang jawatan tertinggi antaranya :

#### Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Kewujudan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 28 Oktober 1985 diharap dapat melahirkan sumber tenaga manusia berkualiti yang diperlukan bagi mengisi kemerdekaan tersebut. Penubuhan UBD sebagai sebuah universiti pertama di NBD adalah salah satu perkembangan penting dalam dunia pendidikan semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana ianya dapat memberikan rakyat dan penduduk Brunei lebih banyak peluang dan kesempatan untuk mengikuti pengajian tinggi dalam masa yang sama kerajaan berpeluang memperoleh sumber tenaga manusia daripada rakyat baginda sendiri yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkualiti, yang setentunya boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Selaku cansion di universiti dan juga beberapa pengajian tinggi di negara ini, keprihatinan Kebawah DYMM juga terlihat apabila baginda kerap menekankan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti. Sebagaimana titah baginda semasa Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD, antara petikan titah baginda:

Baginda berharap dengan kejayaan ini, para graduan akan dapat menjadikannya sebagai pendorong untuk memperoleh lain-lain kejayaan lagi. Sifat kejayaan adalah penyumbang bagi peningkatan daya saing negara.

Baginda juga berharap supaya setiap graduan menanamkan sikap sentiasa ingin maju dan bersama-sama membangun negara yang kita cintai ini dan juga sentiasa berpegang kepada ajaran Islam supaya para graduan

# Pelajar berpendidikan mencorakkan kecemerlangan negara



sentiasa disirami dengan berkat dan rahmat Allah.

Titah baginda semasa Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD :

"Adalah perlu bagi UBD dan institusi-institusi pengajian tinggi lain, untuk memastikan program-program mereka sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang *marketable and future ready*."

#### Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Selain UBD, Institut Teknologi Brunei (ITB) juga merupakan salah sebuah universiti yang sudah banyak melahirkan para graduan yang berkualiti, ia juga telah mencatat sejarah apabila ia dinamakan semula sebagai Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan merupakan salah satu institut teknikal yang terulung di NBD. Pada 18 Oktober 2008, UTB secara rasminya ditukar menjadi universiti. Sebagaimana yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

*"Selaras dengan perkembangan, beta telah memperkenankan bagi Institut Teknologi Brunei dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti dengan mengekalkan namanya ITB..."*

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Guru 2008 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 18 Oktober 2008).

Pada 1 Mac 2016, Kebawah DYMM memperkenankan bagi nama Institut Teknologi Brunei ditukar kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Sehingga Februari 2017 tahun lepas, UTB mempunyai

keramaian pelajar seramai 1,588. 99 daripadanya merupakan pelajar yang mengambil pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, 1,349 Sarjana Muda, 140 Diploma Tertinggi Kebangsaan Tahap 5.

Sejak itu, perkembangan UTB melibatkan perkembangan terhadap program portfolio akademik, penubuhan perkongsian bersama industri-industri dan universiti, program petauliah oleh badan-badan profesional dan memperhebatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan.

UTB juga menghasilkan perkembangan dalam penyelidikan yang signifikan. Usaha penyelidikannya memfokuskan tiga bidang penyelidikan iaitu minyak dan gas, teknologi hijau dan air.

Pusat Pengangkutan dan Penyelidikan UTB (CfTR) telah ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan penyelidikan melibatkan kajian dasar, permodelan pengangkutan dan sistem pengangkutan pintar dan fokus kepada bidang-bidang keselamatan pengangkutan, lebuh raya dan geoteknik dan lalu lintas.

Pusat Inovatif Kejuruteraan yang baru ditubuhkan itu bertujuan untuk menjadi pusat bagi pelbagai bidang dan penterjemahan penyelidikan yang inovatif.

UTB juga sudah mampu melahirkan graduan peringkat HND bahkan bertengara profesional muda dan bercakalan kebruneian yang cemerlang dan mahir dalam pelbagai bidang, khususnya di bidang pendidikan teknokrat, bahkan dipercayai lepasan graduan UTB juga mempunyai kualiti yang setanding dengan kolej dan universiti ternama luar negara.

#### Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Selain institusi-institusi tertinggi seperti UBD dan UTB, turut ditekankan juga adalah pendidikan tertinggi yang

berusurkan kepada agama kerana tanpa adanya pendidikan agama kepada anak-anak bangsa kita bagaimana pula nantinya hala tuju anak-anak bangsa harapan kita di dalam membawa keberkatan diri mereka dan juga negara yang sememangnya berdasarkan kepada Melayu Islam Beraja (MIB) dan sebagai sebuah Negara Zikir kerana itu negara juga turut memperkenalkan UNISSA yang ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Titah Perutusan Awal Tahun Masihi 2007 dengan harapan yang murni, iaitu untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen, yang melahirkan para ulama dan cendiakawan berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara.

Ke arah itu, UNISSA menetapkan visinya untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

#### Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

KUPU SB dihasratkan menjadi sebuah institusi perguruan agama yang unggul, menjadi kebanggaan dan memenuhi keperluan negara serta bersedia membuka pintunya kepada pelajar luar negara.

Ini juga bertepatan dengan matlamat KUPU SB itu sendiri dalam melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba Allah dan Khalifah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertakwa menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafi'e serta mendukung kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan konsep negara MIB.



منجاياكن واوسن نكارا  
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 Februari 2018

# SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-34

"KITA adalah bangsa dan negara merdeka. Kita dituntut untuk berfikir dan bertindak sebagai bangsa dan negara yang merdeka juga. Kemerdekaan akan kurang bererti dengan hanya membanggakan sahaja tetapi akan lebih bererti bila mana kita pandai mengisinya."

- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Menteri-Menteri Kabinet di Istana Nurul Iman pada 21 Jamadilawal 1439 Hijrah bersamaan 7 Februari 2018 Masihi.



WARGA Jabatan Penerangan dan Jabatan Percetakan Kerajaan  
mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-34

دتربيتکن اوله جباتن فراغن، جباتن ڤردان متری دان ڈجیتیق اوله جباتن ڤرچیتیقن کراجائ، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.